

Definisi Gurindam

- Gurindam adalah satu bentuk puisi Melayu lama yang terdiri daripada duabaris serangkap.
- Gurindam ini dibawa oleh orang Hindu atau pengaruh sastera Hindu.
- Gurindam juga berasal daripada bahasa sanskrit menerusi bahasa Tamil(India) "yaitu kirindam" yang bermaksud perumpamaan.
- Baris pertama dipanggil syarat (protatisis) dan baris kedua dipanggil jawab(apodotis).

Peranan/Fungsi Gurindam

- Gurindam mempunyai fungsi dan peranannya dalam masyarakat Melayu iaitusebagai tujuan didikan, hiburan, gambaran masyarakat melayu lama dandigunakan dalam majlis-majlis formal.
- Unsur-unsur pendidikan yang diketengahkan ialah iman dan moral yang baik.

Ciri/Bentuk Gurindam

- Merupakan puisi bebas atau tidak terikat.
- Rangkap : Mempunyai dua baris dalam serangkap atau beberapa baris dalamserangkap. Setiap baris dalam rangkap merupakan isi atau maksud dan perlubersambung dengan baris-baris dalam rangkap untuk membawa makna yanglengkap.
- Baris pertama (syarat) menyatakan sesuatu fikiran atau peristiwa dan bariskedua (jawab) pula menyatakan keterangan atau menjelaskan apa yang telahdinyatakan oleh baris atau ayat pertama tadi. Setiap baris biasanyamengandungi tiga atau empat, enam atau lebih perkataan.
- Perkataan : Jumlah perkataan sebaris tidak tetap.
- Sukukata : Jumlah sukukata juga tidak tetap.
- Rima : a/a;a/b atau serima (Monoryme)

Jenis-Jenis Gurindam

- Gurindam serangkap dua baris.
- Gurindam serangkap empat baris.
- Gurindam bebas.

Contoh Gurindam Serangkap Dua Baris

Orang yang rajin membaca buku,
Banyak ilmu ia tahu

Contoh Gurindam Serangkap Empat Baris

Tiada siapa yang besar,
Tiada siapa yang tinggi,
Tetap sama sedasar,
Tidaklah berbeza lagi.

Jangan takut dan gentar,
Mati hanya sekali,
Jangan bertukar berkisar,
Tetap di lapangan mengendali.

Contoh Gurindam Bebas

Pangkalnya sama dipupuk,
Pucuknya sama digentis,
Buahnya sama ditarik,
Ke bukit sama didaki,
Ke lurah sama dituruni,
Ke laut sama direnangkan.